

PIAGAM PELANGGAN UNTUK PERUSAHAAN KECIL & SEDERHANA (PKS) PINJAMAN KEPADA PKS

KELAYAKAN

Perniagaan berdaftar (PKS¹) mengikut kategori yang berikut:

- Untuk perniagaan dalam Sektor Pembuatan
Perniagaan berdaftar yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang.
- Untuk perniagaan dalam Sektor Perkhidmatan dan Sektor-Sektor Lain
Perniagaan berdaftar yang mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.

Syarikat / institusi milik warganegara Malaysia (dengan sekurang-kurangnya 51% milik warganegara Malaysia) yang telah berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965, warganegara yang menetap di Malaysia dan usahawan yang telah berdaftar di bawah Pendaftaran Perniagaan. Rekod prestasi kewangan yang memuaskan sekurang-kurangnya 3 tahun. Hubungan dengan institusi kewangan lain yang memuaskan (jika ada).

TUJUAN PINJAMAN

Pinjaman boleh digunakan untuk membiayai tujuan perniagaan seperti:
 Modal kerja;
 Pengembangan kapasiti perniagaan yang sedia ada;
 Modal perbelanjaan seperti pembelian mesin;
 Pemerolehan harta.

JENIS KEMUDAHAN PINJAMAN

Pinjaman Tetap.
 Overdraf.
 Pembiayaan Kredit Berputar.
 Perkhidmatan Perdagangan seperti Surat Kredit, Resit Amanah, Penerimaan Jurubank, Pembiayaan Semula Kredit Eksport, Pembiayaan Invois, Jaminan Bank dan Kontrak Pertukaran Wang Asing.
 Pelbagai skim pinjaman yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia juga disediakan, tertakluk kepada kelayakan, terma-terma dan syarat-syarat tertentu.
 Kemudahan pinjaman berpandukan syariah Islam seperti di atas juga boleh didapati.

PENYATA AKAUN

Overdraf – Penyata akaun semasa akan disediakan setiap bulan.
 Pinjaman Tetap – Penyata akan disediakan setiap setengah tahun.
 Pembiayaan Perdagangan – Penyata akan disediakan di atas permintaan.
 Pembiayaan Kredit Berputar – Surat pemberitahuan akan disediakan apabila kemudahan pembiayaan digunakan.

SALURAN RAYUAN²

Sebarang rayuan ke atas permohonan yang gagal boleh diserahkan dalam bentuk bertulis kepada:

KETUA, PERBANKAN KOMERSIAL & PKS

HONG LEONG BANK BERHAD

Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6 Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Pusat Perkhidmatan Pelanggan HLB +603 7661 7777 atau layari www.hlb.com.my

Nota:

- Mengikut definisi PKS oleh Bank Negara Malaysia.
- Keputusan rayuan akan dimaklumkan secara bertulis dalam jangka masa 2 minggu dari tarikh rayuan diterima.
- Syarikat mempunyai pilihan untuk menggunakan perlembagaan jika ingin menyesuaikan peruntukan tertentu untuk perniagaan, setakat mana peruntukan perlembagaan konsisten dengan CA 2016 (dengan syarat apa-apa pengubahsuaian peruntukan Akta dibenarkan).
- Syarikat yang terhad kepada jaminan adalah syarikat yang diperbadankan tanpa modal saham dan di mana liabiliti ahli adalah terhad kepada amaun setiap ahli telah berjanji untuk menyumbang jika syarikat digulung. Sama ada syarikat terhad kepada jaminan atau saham yang dinyatakan dalam Notis Pendaftaran di bawah Jenis Syarikat.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Berikut adalah beberapa dokumen yang diperlukan untuk memproses permohonan pembiayaan:

| Untuk perniagaan yang diperbadankan sebelum 31hb Januari 2017 | |
|---------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| No. | Senarai Dokumen |
| 1. | Borang A / B, Borang 8 / Borang 9 (mana yang berkenaan). |
| 2. | Borang 24 dan / atau Borang untuk Seksyen 78 (mana yang berkenaan). |
| 3. | Borang 49 dan / atau Borang untuk Seksyen 58 (mana yang berkenaan). |
| 4. | Borang 13 dan / atau Notis Pendaftaran Nama Baru [yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah Seksyen 28(3) Akta Syarikat 2016] (mana yang berkenaan). |
| 5. | Borang 44 dan / atau Borang untuk Seksyen 46(3) (mana yang berkenaan). |
| 6. | Memorandum dan Artikel Penubuhan (M & A). |
| 7. | Salinan Kad Pengenalan (NRIC) atau Pasport pengarah, penjamin dan penandatanganan yang diberi kuasa. |
| 8. | Resolusi Pengarah-Pengarah (termasuk Pekeliling Resolusi / Ekstrak daripada Resolusi yang telah disahkan). |
| 9. | Lesen Perdagangan (bagi syarikat yang diperbadankan di Sabah). |
| 10. | Akaun perniagaan yang telah diaudit untuk tempoh 3 tahun yang lepas dan akaun pengurusan yang terkini. |
| 11. | Penyata bank akaun (untuk tempoh 6 bulan lepas). |
| 12. | Profil syarikat dan kakitangan pengurusan. |
| 13. | Senarai bank-bank, butir-butir kemudahan pembiayaan dan aturan cagarang yang telah dipersetujui (jika ada). |
| 14. | Senarai pembekal / pembeli utama dan senarai pemiutang / penghutang (jika berkenaan). |
| 15. | Unjuran aliran tunai (jika berkenaan). |
| 16. | Maklumat cagarang yang ditawarkan termasuk dokumen-dokumen yang berkaitan seperti laporan penilaian hartanah, salinan hak milik tanah dan perjanjian jual beli (jika berkenaan). |
| 17. | Borang J – Borang Cukai Pendapatan pengarah / penjamin untuk 3 tahun yang lepas. |
| 18. | Jika penjamin adalah Entiti Korporat, dokumen tambahan mungkin diperlukan. |

| Untuk perniagaan yang diperbadankan pada / selepas 31hb Januari 2017 | |
|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| No. | Senarai Dokumen |
| 1. | Notis Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM") dan / atau Sijil Pemerbadanan (jika ada). |
| 2. | Perlembagaan ³ (wajib untuk syarikat yang terhad kepada jaminan ⁴ dan pilihan untuk syarikat yang terhad kepada saham). |
| 3. | Borang untuk Seksyen 14 – Permohonan Pendaftaran Syarikat (untuk syarikat yang baru diperbadankan). |
| 4. | Borang untuk Seksyen 78. |
| 5. | Borang terkini untuk Seksyen 58. |
| 6. | Notis Pendaftaran Nama Baru [yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah Seksyen 28(3) Akta Syarikat 2016] (berkaitan jika syarikat telah bertukar nama). |
| 7. | Borang untuk Seksyen 46(3). |
| 8. | Dokumen #7 hingga #18 seperti yang tersenarai untuk perniagaan yang diperbadankan sebelum 31hb Januari 2017. |

Nota:

Dokumen yang disenaraikan di sini adalah keperluan dokumen minimum dan dokumen tambahan mungkin diminta oleh pihak Bank untuk pemrosesan dan penilaian permohonan pembiayaan.

TEMPOH UNTUK PERMOHONAN PINJAMAN

Keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon pembiayaan secara bertulis kira-kira sebulan bermula daripada tempoh penyerahan dokumen-dokumen yang lengkap seperti yang tertera.